



03 Jun 2015
KOSMO, Malaysia

Author: Johanna A. Sobrey • Section: Business & Finance • Article type : News Item
Audience : 208,331 • Page: 51 • Printed Size: 246.00cm² • Market: KL
Country: Malaysia • ASR: MYR 2,000 • Words: 336 • Item ID: 415740409

iSENTIA
INFLUENCE • INFORM • INSIGHT

isentia.mediaportal

Provided for client's internal research purposes only. May not be further copied, distributed, sold or published in any form without the prior consent of the copyright owner.

Page 1 of 1

MSM mahu kuasai pasaran gula

JOHANNA A. SOBREY

KUALA LUMPUR – MSM Malaysia Holdings Bhd. (MSM) berhasrat untuk menguasai sebahagian besar pasaran pertengahan gula di Malaysia dan sepenuhnya di Singapura pada tahun 2018 ekoran pembukaan kilang penapisan gulanya yang ketiga di Tanjung Langsat, Johor.

Menurut Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Sheikh Awab Sheikh Abod, kilang penapisan yang melibatkan pelaburan bernilai RM250 juta itu akan mula dibina pada Ogos ini dan dijadualkan siap dalam tempoh 20 hingga 22 bulan.

“Dijangka mula beroperasi pada pertengahan tahun 2017, kilang penapisan ini akan menggunakan teknologi termoden yang mampu menyumbang kepada kadar keberkesanan operasi yang tinggi dan mengeluarkan produk yang berdaya saing.

“Ia dilihat sebagai penambat

pasaran masa hadapan dengan sasaran kapasiti penghasilan gula bertapis setiap tahun mencecah 3.25 juta tan berbanding 1.1 juta tan sekarang,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita pada sidang akbar sempena mesyuarat agung tahunan ke-4 MSM di sini semalam.

Turut hadir ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MSM, Mohamad Amri Sahari@Khuzari dan Ketua Pegawai Kewargannya, Raja Faridah Raja Ahmad.

Sheikh Awab menjelaskan, pada masa ini pegangan pasaran gula bertapis MSM yang merupakan sebuah subsidiari Felda Global Ventures Holdings Bhd, ialah sebanyak 64 peratus manakala sekitar 18 hingga 20 peratus di Singapura.

Melangkah ke hadapan, beliau turut memaklumkan bahawa MSM merancang untuk mem-

pelbagaiakan sumber pendapatan pada tahun ini dan 2016.

Ini bakal dilaksanakan dengan mengintai peluang di negara-negara pesat berkembang untuk jalinan usaha sama mahupun penggabungan dan pengambilalihan.

“Ia akan membuka peluang yang besar bagi kami melibatkan diri dan meluaskan perniagaan di segmen huluan dan hiliran.

“Negara-negara yang berpotensi ialah Indonesia yang kini di peringkat lanjutan perbindangan, India, China dan Thailand,” jelasnya.

Sheikh Awab berkata, pihaknya melihat kedua-dua perniagaan huluan dan hiliran masing-masing akan menyumbang sebanyak 30 peratus kepada keuntungan syarikat dengan bakinya menerusi segmen pertengahan bagi jangka panjang.



SHEIKH AWAB (tengah) bersama Raja Faridah (kanan) dan Mohamad Amri Sahari melihat laporan tahunan MSM di Kuala Lumpur semalam.